

BAB PERTAMA

BAB I

PENDAHULUAN

A. Latar Belakang Masalah Kajian

Pendidikan bagi manusia merupakan perkara yang sangat penting dan mustahak. Hal ini merujuk kepada suatu kenyataan bahawa sekalipun manusia lahir sebagai manusia, namun untuk mengukuhkan keberadaannya supaya hidup secara manusiawi sesuai dengan sifat kemanusiaannya, manusia harus menjalani proses pendidikan. Tentu sahaja proses pendidikan yang dimaksudkan itu tidak sahaja menyangkut daripada segi fizikal, tetapi juga perkara yang bukan fizikal yang memberi makna kepada kehidupannya.

Kenyataan ini dimaksudkan untuk menciptakan suasana pendidikan seperti yang dicadangkan oleh para pemikir dahulu, iaitu manusia terdidik (*to be educated man*). Tentu sahaja manusia terdidik itu mesti dilandasi dan bersesuaian dengan nilai-nilai agama seperti yang dianutinya.

Diilhami oleh keistimewaaninya, manusia merupakan makhluk yang paling berjaya membina peradaban. Bahkan dalam analisis Karl Mark, manusia bukan sahaja produk sejarah melainkan sebagai pembuat sejarah.¹ Namun timbul pertanyaan, dalam hal apa manusia mencapai kemajuan? Ilmu dan teknologi seringkali dijadikan sebagai contoh.

¹ Alan Swingewood (1975), *Marx And Modern Social Theory*. New York: John Wilwy & Son, h. 11.

Kini dunia memasuki alaf baru, semakin nampak berbagai-bagai kemajuan pada semua sektor kehidupan, namun pada masa yang sama semakin dipenuhi kontradiksi. Semakin ramai manusia yang hidup mewah tetapi kehilangan arah hidup. Umat manusia makin banyak menghadapi masalah-masalah keruntuhan moral, pencabulan etika dan krisis identiti.²

Dengan demikian, norma-norma sosial akan hilang dan menjadi lemah bahkan bertentangan antara satu dengan yang lainnya. Keadaan ini dikenali oleh ahli sosiologi dengan nama anomie (*anomie*).³ Individu yang terperangkap dalam keadaan ini biasanya akan kehilangan pegangan moral, kawalan sosial dan menjadi serba salah.⁴

Di samping itu pula, masyarakat manusia kini telah ramai yang terjebak dengan kehidupan dunia semata yang lebih mementingkan kebendaan. Manakala agama pula hanya dijadikan sebagai simbol penyembahan yang tidak mempunyai pengaruh terhadap prilaku manusia dalam kehidupannya. Bahkan mengikut Berger, ketika beliau berkomentar tentang sekularisasi menyatakan bahawa di zaman moden ini peranan agama mungkin akan hilang.⁵

²Jujun S (1985), *Ilmu Dalam Perspektif*. Jakarta: Gramedia, h. 248

³Anthoni Giddens (1986), *Kapitalisme Dan Teori sosial Modern: Suatu Analisis Terhadap Karya Tulis Marx, Durkheim dan Marx Weber*. Soehoeba Kramadibrata (ter.), c.1. Jakarta: UI-Press. h. 98-101.

⁴Ting Chew Peh (1997), *Konsep asas sosiologi*. C.3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 8.

⁵Roberto Cipriani (2000), *Sociologi Of Religion: An Historical Introduction*. Tranlated by Laura Ferrari, c.1. New York: Aldin De Gueteer, h. 182.

Apabila keadaan itu dibiarkan berlarut-larutan tidak mustahil pada suatu masa umat manusia akan sampai pada peringkat tamadun yang rendah dan hina serta merendahkan nilai-nilai manusia itu sendiri, iaitu manusia akan jauh daripada nilai-nilai agama. Apalagi dunia kini memasuki era informasi. Suatu zaman, antara suatu negara dengan negara lain sudah tidak ada sempadan lagi, iaitu dengan derasnya arus informasi melalui jaringan internet atau melalui media massa lainnya, sehingga serangan pemikiran dan budaya asing yang jelas bertentangan dengan ajaran agama akan semakin mudah masuk pada setiap rumah dan dapat diakses oleh siapa sahaja dan di manapun mereka berada.

Untuk menyelamatkan manusia daripada kehancuran seperti itu, maka pendidikan, khususnya pendidikan Islam mempunyai peranan yang amat penting dan strategis. Oleh itu, aktiviti-aktiviti pendidikan mesti diarahkan pada usaha menyedarkan manusia terhadap potensi agama yang dimilikinya.⁶ Tuntunan agama (pendidikan agama) dapat memberi arah untuk membimbing sikap kita dan tindakan manusia untuk menghadapi dunia kini dan hari esok yang kekal abadi. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa kesedaran manusia terhadap agama merupakan ubat mujarab untuk menghindari kesan negatif daripada perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Penulis berkesimpulan bahawa kesedaran manusia terhadap agama berupa penerimaan manusia terhadap keberadaan Allah s.w.t. sebagai Penciptanya, kemahuan untuk sentiasa melaksanakan perintahNya dan menjauhi segala laranganNya dalam kehidupan ini.

⁶Amrullah Ahmad (1991), "Kerangka Dasar Masalah Paradigma Pendidikan ", dalam Musilih Usa (ed), *Pendidikan Islam Di Indonesia Antara Cita Dan fakta*.Yogjakarta:Tiara Wacana, h. 57

Potensi beragama bagi manusia merupakan anugerah Tuhan yang dibawa sejak lahir, tetapi ianya tidak mempunyai apa-apa makna jika tidak dipelihara dan dikembangkan. Dalam hal ini rasulullah s.a.w. bersabda:

مَا مِنْ مُؤْمِنٍ إِلَّا يُوَلِّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبْوَاهُ يَهُودَانِيْهُ أَوْ يُنَصَّرَانِيْهُ أَوْ

يُمَجْسِدَانِيْهُ⁷

Maksudnya:

Tidaklah manusia dilahirkan kecuali atas dasar fitrah (potensi tauhid) maka kedua-dua orang tuanya (pendidik) yang membuatnya menjadi yahudi, nasrani ataupun majusi. (HR. Muslim).

Hadith di atas menjelaskan kepada kita bahawa usaha untuk mengembangkan potensi beragama yang dibawa oleh manusia sejak lahir perlu dilakukan secara utuh dan bersungguh-sungguh dengan menggunakan pola pengembangan yang berkesan agar ianya berkembang sesuai dengan fitrah bawaannya. Usaha pengembangan fitrah beragama ini sangat diperlukan agar manusia dapat menjalin hubungannya dengan Yang Maha Pencipta, iaitu Allah s.w.t. Perkara ini memberikan erti bahawa pendidikan berkewajipan membawa manusia untuk mengenal, menyembah dan mendekati diri kepada Allah s.w.t.⁸

Pengembangan fitrah beragama merupakan langkah nyata dalam melaksanakan proses pendidikan agama. Oleh itu pendidikan agama dapat

⁷Shahih Muslim Bi Syarhi Imam Muhyiddini An-Nawawi (1994), Beirut: Darul el-Ma'rifah, j. 16, h. 423.

⁸Lihat surah al-Dhāriyāt (51) : 56.

difahami sebagai usaha membangkitkan kekuatan dan kesediaan spiritual yang bersifat naluri dan semula jadi pada diri pelajar melalui bimbingan agama yang sehat dan mengamalkan ajaran agama dan upacara-upacaranya.⁹

Oleh itu ketika membicarakan tentang pengembangan fitrah beragama (Islam), maka kita harus mengkaji kedudukan institusi Pendidikan Islam, sama ada yang formal maupun yang tidak formal. Pendidikan Islam merupakan institusi yang bertanggung jawab dalam melahirkan graduan yang memahami, menerima serta melaksanakan ajaran Agama Islam secara *kāffah*.

Di Jawa Barat (Indonesia), institusi Pendidikan Islam seperti Madrasah Aliyah Negeri mempunyai peranan yang amat penting. Penubuhan Madrasah Aliyah Negeri ini ialah salah satu usaha yang dilakukan pemerintah (kerajaan) Republik Indonesia untuk membimbing dan mengembangkan generasi muda agar menjadi manusia yang tidak sahaja cemerlang daripada segi intelektual tetapi juga dapat menjunjung tinggi nilai-nilai agama bagi mewujudkan pengabdiannya kepada Allah s.w.t. Madrasah Aliyah Negeri merupakan sekolah menengah (tingkatan empat sampai enam), sehingga dapatlah dipastikan bahawa para pelajarnya terdiri daripada generasi muda, suatu generasi yang paling terancam oleh kesan negatif daripada kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Sepengetahuan penulis, sejauh ini masih dirasakan kurang mengenai konsep yang membicarakan pola pengembangan fitrah beragama di sekolah-

⁹Hasan Langgulung (1995), *Manusia Dan Pendidikan*. Jakarta: Pustaka al-husna, h. 371

sekolah, apalagi kajiannya dalam bentuk penyelidikan lapangan di beberapa Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat Indonesia. Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan kelanjutan dan sebagai pelengkap daripada kajian yang telah dilakukan oleh para peneliti terdahulu.

4

Beberapa kajian terdahulu tentang madrasah ini dapatlah ditemukan dalam beberapa buku berikut ini:

1. Karel Steenbrink dalam bukunya yang bertajuk “Pesantren, Madrasah dan Sekolah: Pendidikan Islam Dalam Kurikulum Modern” yang diterbitkan oleh penerbit LP3ES Jakarta tahun 1986.
2. A. Malik Fadjar dalam bukunya yang bertajuk “Membangun Madrasah Sebagai Wahana Peradaban Modern, Dalam Kemelut Dari Pendidikan Nasional” yang diterbitkan oleh penerbit Intermasa Jakarta tahun 1997.
3. Djumhur dan Danasaputra dalam bukunya yang bertajuk “Sejarah Pendidikan Di Indonesia Khusus Madrasah” yang diterbitkan oleh penerbit CV Ilmu Bandung tahun 1976.
4. Zuhairini (et.al) dalam bukunya yang bertajuk “Sejarah Pendidikan Islam” yang diterbitkan oleh Bina Rupa Aksara Jakarta tahun 1994.

Di samping itu, banyak pula kajian yang telah dilakukan para peneliti terdahulu, khususnya tentang konsepsi fitrah dan proses pengembangannya dalam bentuk kajian teori yang menggunakan metode kajian perpustakaan.

Kajian ini dianggap penting kerana ianya mempunyai beberapa kelebihan. Kelebihan kajian ini yang terletak pada penerapan pola-pola pendidikan dalam

mengembangkan fitrah beragama melalui proses pembelajaran di dalam maupun di luar kelas yang diselenggarakan dibeberapa Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat, Indonesia.

Berdasarkan masalah di atas, penulis memandang perlu untuk mengkaji pola pengembangan fitrah beragama yang dilakukan oleh semua unsur yang terlibat dalam melaksanakan proses pendidikan di beberapa Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat Indonesia. Oleh itu penulis mengangkat masalah di atas ke dalam sebuah disertasi yang bertajuk : **POLA PENGEMBANGAN FITRAH BERAGAMA; KAJIAN DIBEBERAPA MADRASAH ALIYAH NEGERI JAWA BARAT INDONESIA (1970 – 2000).**

B. Pengertian Tajuk

Kajian ini bertajuk : **POLA PENGEMBANGAN FITRAH BERAGAMA; KAJIAN DIBEBERAPA MADRASAH ALIYAH NEGERI JAWA BARAT, INDONESIA (1970 – 2000).** Untuk menghindari kesalahfahaman dalam memahami tajuk di atas dan memperjelas inti pati masalah dalam penyelidikan, berikut ini penulis huraikan beberapa definisi yang diambil daripada istilah kunci tajuk di atas.

1. Pola

Dalam Kamus Besar Melayu; pola bererti aturan, corak, ragi suri, contoh yang baik, model yang baik, cetakan, tempat tuangan, acuan dan lembaga.¹⁰ Sementara dalam kamus¹¹ Malaysiana, perkataan pola berasal daripada bahasa Jawa yang bererti corak lukisan untuk dijadikan panduan pada corak batik.¹²

Mengikut Teungku Iskandar, pola ialah contoh, model.¹³ Merujuk perkataan model yang dijadikan padanan kata untuk perkataan pola dalam kamus ini, model ialah ragam atau cara yang digunakan dalam melakukan sesuatu.¹⁴

Daripada beberapa rujukan kamus di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa pola ialah model, acuan, serta cara yang dilakukan untuk mendapatkan sesuatu. Jadi, erti inilah yang dimaksud dalam penyelidikan ini.

2. Pengembangan

Pengembangan berasal daripada akar kata kembang. Kembang bermakna menjadi besar, luas dan maju.¹⁵ Pengembangan ialah perihal (usaha, kegiatan,

¹⁰Zainal Abidin S (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur:Utusan publication, h. 1449

¹¹*Kamus Malaysiana* (1995), Kuala Lumpur:Anzagain Sdn. Berhad, h. 362

¹²Teungku Iskandar (1984), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 899

¹³Ibid., h. 768

¹⁴Ibid., h. 531

proses) mengembangkan.¹⁵ Dalam kajian ini pengembangan dertiikan sebagai usaha atau proses dalam mengembangkan fitrah beragama.

3. Fitrah

Perkataan fitrah berasal daripada bahasa Arab, iaitu *fatara-satrana*. Daripada erti dasar ini, fitrah dapatlah dertiikan menjadi empat pengertian, iaitu :

- a. Fitrah bermakna penciptaan atau menciptakan.
- b. Fitrah ialah sifat yang melekat pada awal penciptaan.
- c. Fitrah ialah sifat tabiat manusia.
- d. Fitrah ialah agama.¹⁶

Daripada beberapa pengertian di atas, fitrah yang dimaksud dalam penyelidikan ini ialah sifat semula jadi manusia untuk menerima agama tauhid yang ditanamkan oleh Allah s.w.t. sejak di alam rahim. Fitrah merupakan potensi dasar bagi manusia untuk sentiasa berkembang sesuai dengan persekitaran yang mendidiknya.

Pembahasan lebih terperinci mengenai makna fitrah akan ditemukan dalam bab II khususnya pada bahagian pengertian fitrah beragama.

¹⁵Ibid., h. 532

¹⁶Abu Louice ma'luf (1994), *al-Munjid fil-lughah wal A'lam*. Beirut:Maktabah al-Syarqiyah, h. 588.

4. Beragama

Beragama berasal daripada kata dasar agama.¹⁷ Dalam bahasa Arab dikenal dengan istilah *al-dīn*. Kata beragama yang sering digunakan penulis dalam kajian ini dimaksudkan sebagai kepatuhan dan ketiaatan kepada ajaran agama. Dalam disertasi ini penggunaan istilah agama lebih dimaksudkan pada agama Islam.

4. Beberapa

Mengikut Zainal Abidin Safarwan, perkataan beberapa mengandungi erti jumlah yang tidak banyak atau lebih daripada dua tapi tidak banyak.¹⁸ Jadi perkataan beberapa dalam kajian ini digunakan untuk menunjukkan jumlah Madrasah Aliyah di Jawa Barat Indonesia yang dijadikan sampel penyelidikan.

5. Madrasah Aliyah Negeri

Madrasah ialah sekolah atau tempat belajar.¹⁹ Aliyah bererti tinggi (menengah),²⁰ sedangkan negeri bermakna bahawa sekolah itu dikelola sepenuhnya oleh kerajaan. Madrasah Aliyah Negeri ialah sekolah menengah

¹⁷Kamus Malaysiana, op.cit., h. 5

¹⁸Zainal Abidin S, Op.cit., h. 180

¹⁹Ibid., h. 1094

²⁰Tinggi yang dimaksud dalam sekolah menengah di Indonesia ialah sekolah menengah tingkatan empat sampai enam.

tingkatan 4 sampai 6 yang di bawah pengelolaan Kementerian Agama Republik Indonesia.

C. Kepentingan Kajian

4

Melalui kajian perpustakaan mahupun penelitian langsung di lapangan, diharapkan kajian ini dapat menyumbangkan bahan-bahan pemikiran yang bermanfaat sama ada untuk keperluan teori mahupun untuk kepentingan praktikal di lapangan pendidikan. Penulis bolehlah menegaskan bahawa kajian ini merupakanan penelaahan terhadap pola pengembangan fitrah beragama di madrasah-madrasah yang dikelola sepenuhnya oleh kerajaan Republik Indonesia daripada tahun 1970 sampai tahun 2000 M, sehingga dapat ditemukan usaha yang dilakukan madrasah dalam mengembangkan fitrah beragama selama waktu itu.

Di pihak lain, kajian ini merupakanan usaha yang pertama bagi peneliti sendiri untuk mematangkan wawasan dan pengalaman menuju peningkatan kualiti akademik yang profesional.

Secara lebih spesifik, hasil penelitian ini diharapkan dapat memberikan data dan informasi yang akan memperkayakan pemahaman terhadap konsep pendidikan Islam. Di samping itu diharapkan juga dapat menemukan kerangka fikir yang bermanfaat bagi pengembangan institusi pendidikan Islam. Oleh itu melalui studi perpustakaan, pengamatan (observasi) yang intensif, dokumentasi, soal selidik, dan temubual yang mendalam atas peristiwa yang terjadi di Madrasah Aliyah Negeri akan membangun asumsi-asumsi baru untuk lebih memperkaya

khazanah ilmu pendidikan Islam, khususnya dalam mengembangkan konsepsi pendidikan agama Islam.

Bagi murid-murid sendiri, setelah mereka memperoleh ilmu pengetahuan, fizikal yang kuat, dan juga jiwanya diisi oleh nilai *ilāhiyyah* (agama), sehingga terbentuk manusia yang berbudi luhur serta cerdas dalam menghadapi cabaran kehidupan. Manakala bagi guru pula, kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan dalam rangka melahirkan guru yang berkualiti serta sedar terhadap amanah Tuhan yang perlu dilaksanakannya.

D. Skop Kajian

Membicarakan masalah fitrah beragama merupakan pekerjaan yang cukup rumit, kerana fitrah beragama ialah kecenderungan hati manusia untuk menerima kehadiran Tuhan dalam dirinya. Sulit bagi kita untuk mengukur hati manusia, maka dalam penelitian ini penulis akan mengkaji ciri-ciri yang jelas dan nyata tentang kesediaan pelajar untuk menerima dan mempercayai serta kepatuhannya kepada ajaran agama, iaitu dalam bentuk sikap dan tindakan sehari-hari.

Kerana luasnya pembahasan tentang tajuk ini, penulis memandang perlu untuk membatasi ruang lingkup kajian. Dalam disertasi ini, penyelidikan akan tertumpu pada masalah-masalah pola pengembangan fitrah beragama yang dikembangkan di lima Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat. Madrasah Aliyah Negeri yang dimaksudkan ialah Madrasah Aliyah Negeri II Bandung, Madrasah

Aliyah Negeri Cibatu, Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang, Madrasah Aliyah Negeri Cipasung dan Madrasah Aliyah Negeri I Garut.

Penulis memusatkan perhatian pada kajian lapangan di lima Madrasah Aliyah Negeri di atas.² Pembahasannya lebih terfokus pada langkah-langkah yang ditempuh Madrasah Aliyah Negeri dalam rangka mendidik para pelajar agar mampu membentuk kepribadian, sikap dan akhlak pelajar sebagai wujud daripada fitrah beragama yang telah dimilikinya.

Untuk mendapatkan hasil kajian yang menyeluruh, lengkap dan efektif, penulis akan menganalisis data yang diperolehi daripada Madrasah Aliyah Negeri sejak tiga puluh tahun yang lalu (1970 –2000 M). Kerana terjadi perubahan kurikulum daripada 1970 sampai 1993 dan 1994 sampai sekarang, maka penulis akan menghuraikan pembahasan pada kedua-dua periode tersebut.

E. Perumusan Masalah

Bertitik tolak daripada skop kajian di atas, penulis dapatlah menghuraikan bahawa masalah-masalah yang akan dibahas dalam kajian ini ialah segala peristiwa yang terjadi di lima Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat dalam hubungannya dengan pola pengembangan fitrah beragama.

Secara lebih terperinci masalah-masalah yang akan dikaji dalam penyelidikan ini ialah sebagai yang berikut :

2. Untuk mengetahui kurikulum yang digunakan di Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat.
3. Untuk mengetahui model pembelajaran yang digunakan di Madrasah Aliyah Negeri dalam usaha mengembangkan fitrah beragama.
4. Untuk mengetahui keadaan lingkungan madrasah dalam usaha mengembangkan fitrah beragama.
5. Untuk mengetahui pengurusan masjid yang ada di lingkungan madrasah dan pengaruhnya terhadap pengembangan fitrah beragama pelajar.
6. Untuk mengetahui pendekatan keagamaan yang dilakukan di Madrasah Aliyah Negeri dalam membentuk personaliti pelajar.
7. Untuk mengetahui pola komunikasi antara guru dengan pelajar dalam usaha mengembangkan fitrah beragama.

G. Masalah Penyelidikan

Dalam penyelidikan ini, penulis menjumpai sejumlah masalah dan kesulitan. Namun demikian, penulis berusaha mencari jalan keluar dari masalah yang dihadapi sehingga masalah itu tidak menjaskankan penyelidikan yang dilakukan. Penulis berusaha untuk meminima kekurangan-kekurangan yang ada dalam tulisan ini.

Adapun masalah-masalah yang dihadapi penulis antaranya adalah :

1. Jauhnya lokasi penyelidikan sehingga penulis sering ulang alik ke Indonesia untuk mendapatkan data yang diperlukan. Oleh itu, penulis memerlukan banyak waktu, tenaga dan dana untuk mengerjakan penyelidikan ini.
2. Penulis merasa kesulitan untuk mendapatkan dekumen dan rekod kegiatan pelajar secara lengkap dari tahun 1970 sampai 2000. Namun demikian, berdasarkan data yang diperolehi dan hasil temubual dengan guru besar, bahawa kegiatan ko-kurikulum yang berhubungan keagamaan dari tahun ke tahun tidak banyak berubah. Dengan demikian, dalam membahas dan menganalisis kegiatan ko-kurikulum tidak dibahas dari tahun ke tahun; memandangkan kegiatan itu dilaksanakan dalam setiap tahun.

Di samping itu, kegiatan pembelajaran di dalam kelas yang dilakukan oleh guru ketika mengajarpun tidak banyak berubah, baik mengenai metode penyampaian pelajaran maupun langkah-langkah yang dilakukan. Bahkan, berdasarkan data yang diperolehi melalui temubual dengan beberapa guru mengenai kegiatan pembelajaran di dalam kelas tidak banyak berbeza, walaupun mereka mengajar pada madrasah yang berasingan. Dengan demikian, ketika membahas dan menganalisis masalah ini, penulis hanya mengemukakan hasil temubual dengan beberapa orang guru sahaja sebagai sampel yang mewakili guru-guru pelajaran pendidikan Islam di Lima Madrasah Aliyah Negeri yang menjadi lokasi dalam kajian ini.

3. Keadaan kewangan peribadi penulis yang sangat terhad sehingga penulis harus bekerja secara sambilan untuk membiayai penyelidikan ini dan juga untuk keperluan hidup harian.

4. Penulis menemui kesulitan untuk menulis disertasi ini dalam bahasa Melayu yang baik dan tepat menurut kaidah bahasa Melayu. Sebagai orang Indonesia, penulis banyak dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Namun demikian, penulis telah berusaha untuk memperbaiki tulisan dalam disertasi ini dengan bahasa Melayu setelah meminta saranan dari kawan-kawan orang Melayu dan belajar dari pelbagai tulisan bahasa Melayu sama ada akhbar, artikel maupun tulisan-tulisan yang lainnya.

H. Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan bermaksud ilmu tentang tata cara mengadakan penelitian.²¹ Metodologi memainkan peranan yang penting, kerana ia merupakan cara untuk memahami sasaran penelitian.²² Suatu penelitian akan tinggi mutunya apabila metode-metode yang digunakan tepat sesuai dengan objek dan tujuan penyelidikan.

Kajian ini tidak bermaksud untuk menguji suatu hipotesis maupun teori tertentu, melainkan ia merupakan suatu usaha penelusuran ke arah menemukan pemahaman baru mengenai fenomena yang dikaji. Cara kerja dalam penelitian ini bersifat subjektif ke objektif dan induktif ke deduktif.²³

²¹Imam Barnabib (1982), *Arti Dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Jogjakarta: Yayasan penerbit FIP-JKIP, h. 51

²²Koentjaraningrat (ed) (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: gramedia, h. 16

²³Lecomte & Goetz (1984). *Ethnography and Qualitative design in Education Research*. London: Academic Press Inc, h. 4-7

Dalam penyelidikan ini, peneliti sebagai *instrument* utama (*human instrument*), bergerak daripada perkara-perkara yang khusus, daripada satu tahap ketahap berikutnya, sehingga pada akhirnya dapatlah ditemukan kesimpulan-kesimpulan. Dengan sifat demikian maka pendekatan dalam penelitian ini ialah pendekatan kualitatif naturalistik.

Mengikut Bogdan, pendekatan kualitatif naturalistik merupakan pendekatan penelitian yang menghasilkan data deskriptif yang berupa kata-kata tertulis atau lisan daripada orang-orang yang diamati.²⁴ Penelitian kualitatif lebih berupa kata-kata berbanding angka-angka. Oleh itu, peneliti memusatkan perhatian pada ucapan dan tindakan objek penelitian serta keadaan yang dialaminya dengan mengharapkan pada hasil studi perpustakaan, observasi (pengamatan langsung), dokumentasi, soal selidik dan temubual.

Adapun langkah-langkah kaedah kajian ini ialah sebagai berikut :

1. Teknik pengumpulan data
2. Teknik analisis data
3. Teknik komparatif (perbandingan)

²⁴Bogdan & Tylor (1975), *Introduction to Qualitative Research in Education : A Phenomenological approach to social science*. New York: John Wiley, h. 5

1. Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data dalam penelitian ini dilakukan dengan lima cara cara, iaitu : perpustakaan, observasi (pengamatan secara langsung), soal selidik, temubual dan dokumentasi.

a. Perpustakaan

Metode ini dimaksudkan untuk mencari, menghimpun data-data yang bersumberkan daripada buku-buku rujukan, majalah, jurnal, dan koran.²⁵

Metode perpustakan ini banyak digunakan dalam menghuraikan landasan teori tentang pengembangan fitrah beragama ini. Secara lebih khusus metode ini banyak digunakan dalam bab I dan bab II.

b. Pengamatan (observasi)

Dalam kajian kualitatif, observasi merupakan metode yang asas dan mampu mengupas secara kritis terhadap masalah yang dikaji. Ianya digunakan untuk menyelidiki hubungan yang komplek dalam latar penelitian sosial.²⁶

²⁵ J. Francis Rummel (1964), *An Introduction to Research Procedures in Education*. c. 2, New York: Harper & Row Publishers, h. 59.

²⁶ Katherine Marshal & Rosman (1995), *Design Qualitative Research*. California: Sage Publication, h. 80

Secara intensif teknik ini digunakan untuk memperolehi data tentang kegiatan guru dan guru besar dalam mengembangkan fitrah beragama. Selain itu juga metode ini digunakan untuk mengamati tentang keadaan madrasah, sama ada lingkungannya, tata tertib mahupun tradisi Madrasah Aliyah Negeri yang berhubungkait dengan proses pengembangan fitrah beragama.

Pengamatan ini dilakukan dengan dua cara, iaitu pengamatan langsung (*participant observation*) dan pengamatan tidak langsung (*non participant observation*).

1). Pengamatan langsung

Pengamatan langsung bermakna bahawa peneliti terlibat dengan langsung secara intensif dalam kegiatan penelitian dan mengadakan hubungan secara langsung dengan orang yang diteliti. Oleh sebab pengamatan langsung dilaksanakan di madrasah, maka peneliti terjun langsung dan ikut serta dalam kegiatan-kegiatan madrasah bersama-sama guru dan murid madrasah. Penulis menggunakan kesempatan untuk mengamati kegiatan guru-ketika sedang berada di pejabat, serta beberapa kegiatan ko-kurikulum yang diikuti oleh pelajar. Melalui pengamatan langsung terhadap berbagai-bagai kegiatan madrasah, akhirnya dapatlah memberikan gambaran tentang pola pengembangan fitrah beragama di madrasah Aliyah Negeri.

2). Pengamatan tidak langsung

Proses pengamatan langsung seperti yang telah dikemukakan di atas dilakukan sepanjang tidak mengganggu kegiatan pembelajaran. Oleh itu, penulis memandang perlu untuk melakukan pengamatan tidak langsung. Pengamatan ini dilakukan ketika kegiatan di madrasah, ketika guru sedang mengajar, ketika pelajar sedang melakukan kegiatannya masing-masing, ketika guru besar sedang mengadakan pengarahan, dan sebagainya. Pengamatan jenis ini dilakukan daripada jarak jauh, oleh itu kemungkinan ada banyak data yang tidak dapat diperolehi sepenuhnya.

Metode ini banyak digunakan dalam mengungkapkan data-data yang diperolehi di tempat kajian, khususnya dalam bab III dan bab IV.

c. Soal selidik

Instrumen soal selidik dalam kajian ini akan digunakan untuk mencari informasi tentang pemahaman, kesedaran dan pelaksanaan ajaran Islam yang dilakukan oleh para pelajar sehari-hari. Untuk soal selidik ini tidak dilakukan kepada semua murid-murid, tetapi penulis hanya mengambil sampel kira-kira 15 peratus (15%) daripada jumlah keseluruhan pelajar. Penulis menyebarkan borang soal selidik kepada 200 orang pelajar daripada lima Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat yang dijadikan sampel penyelidikan. Mengikut Deobold, jumlah itu sudah cukup memadai untuk

dijadikan sampel dalam sesebuah penyelidikan.²⁷ Metode ini digunakan untuk menghimpuin data pada bab IV.

d. Temubual

Melalui teknik temubual, data utama yang berupa catatan, pemikiran, perasaan dan tindakan daripada guru dan guru besar akan lebih mudah diperolehi. Mengikut Nasution, dalam temubual terkandung maksud untuk mengetahui apa yang ada dan fikiran responden.²⁸ Selain itu tujuan mengadakan temubual ialah untuk mengkontruksi mengenai orang, kejadian, organisasi, perasaan, motivasi, tuntutan, dan kepedulian.²⁹ Itulah sebabnya salah satu cara yang ditempuh oleh penulis ialah temubual secara mendalam terhadap objek penelitian dengan tetap berpegang teguh kepada arah, sasaran dan fokus penelitian, iaitu pola pengembangan fitrah beragama.

Agar temubual dapat berjalan secara efektif dan hasilnya dapat diperolehi secara maksimal sesuai dengan tujuan kajian, maka penulis memandang perlu untuk mengembangkan beberapa langkah sebagai berikut:

²⁷Deobold B. Nan Dalen (1993), *Memahami Penyelidikan Pendidikan*. Abdul Fatah (terj), Selangor DE:FPI-UPM, h. 126

²⁸Nasution (1985), *Penelitian kualitatif naturalistik*. Bandung: Jemmars, h. 73.

²⁹Yvonna S. Lincoln & Egon G. Guba (1985), *Naturalistic inquiry*. Beverly Hills: Sage Publication, h. 266

1). Menyiapkan panduan temubual

Pola asas temubual sebetulnya sudah disediakan sebelum turun ke lokasi kajian. Pola asas merupakan panduan dalam temubual yang mengandungi sejumlah daftar soalan untuk ditanyakan dan dicari jawapannya daripada responden.

2). Temubual Berjadual

Perlu dikemukakan di sini bahawa pihak-pihak yang paling banyak diminta informasi ialah pimpinan madrasah (guru besar) dan guru mata pelajaran Pendidikan Agama Islam. Kepada mereka, penulis membuat temu janji untuk menyepakati bila temubual ini dapat dilaksanakan. Setelah penulis menyampaikan maksud dan keinginan, mereka sendiri yang menentukan waktu untuk dapat di temubual. Selalunya mereka meminta dilaksanakan pada waktu rehat, tetapi kadang-kadang ditengah-tengah kesibukan mereka.

3). Temubual Spontan

Berbeza dengan temubual berjadual, temubual ini dilakukan bila-bila masa sahaja. Maknanya, ketika penulis menemukan peluang untuk mendapatkan data, ketika itu pula penulis melakukannya. Jadi temubual ini bersifat informal, misalnya ketika menemani guru yang sedang berbual-bual di pejabat guru dan lain-lain.

Perlu dikemukakan di sini bahawa temubual jenis ini, selain dimaksudkan untuk memperolehi informasi tambahan (*additional finding*) yang dapat memperkaya hasil-hasil penyelidikan juga diharapkan dapat memberikan gambaran yang lengkap mengenai pengembangan fitrah beragama yang dilakukan di madrasah. Temubual ini dilakukan untuk mengatasi kemungkinan data yang diperolehi dalam temubual berjadwal kurang lengkap. Perkara ini mungkin terjadi kerana dalam temubual terjadwal keadaannya terlalu formal.

Temubual ini dilakukan dengan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Agama Islam dan guru besar Madrasah. Metode ini digunakan untuk menghimpun data dan dikemukakan dalam bab III dan IV.

e. Dokumen (rekod)

Teknik dokumentasi ialah teknik mencari data mengenai perkara-perkara atau variabel yang berupa catatan, transkrip, buletin dan lain-lain.³⁰

Teknik ini digunakan untuk memperolehi data yang bersifat dokumenter yang terdapat dalam madrasah. Data yang bersifat dokumenter yang terdapat di Madrasah Aliyah Negeri berupa sejarah penubuhan madrasah,

³⁰Suharsimi Arikunto (1985), *Prosedur Penelitian*. Jakarta: Bina Aksara, h. 132

tata tertib madrasah, catatan tentang kegiatan yang diselenggarakan di madrasah, identiti guru dan rekod pelajar, gambar yang bernuansa keislamaman dan lain-lain.

Rekod atau dokumen tentang pelajar sangat perlu untuk ditelaah secara cermat dan akurat. Dokumen-dokumen ini menjadi sumber data yang sangat penting dalam kajian ini. Metode ini banyak digunakan dalam bab III dan IV.

2. Teknik Analisis Data

Segala data (informasi) yang diperolehi daripada berbagai-bagi *instrument* dalam kajian ini akan berupa kumpulan data mentah. Tidak semua kumpulan data mentah itu dipindahkan ke dalam laporan penelitian, melainkan dianalisis terlebih dahulu berdasarkan tujuan penyelidikan, sehingga menjadi kesimpulan-kesimpulan yang singkat dan berisi.

Untuk memperolehi kesimpulan yang demikian, maka seluruh pekerjaan dalam proses analisis data berpedoman kepada beberapa teknik data kualitatif.

Adapun teknik analisis data ialah dengan menggunakan metode induktif dan deduktif. Metode induktif ialah cara menganalisa data melalui pola pikir yang mencari pembuktianya daripada perkara-perkara yang bersifat khusus

menuju pada kesimpulan yang umum.³¹ Analisis induktif digunakan dengan beberapa alasan, iaitu : Pertama, proses induktif lebih merupakan kenyataan-kenyataan ganda pada data yang ditemukan; kedua, analisis induktif dapat membuat hubungan antara peneliti dengan responden menjadi eksplisit dan dapat dikenal; ketiga, analisis ini dapat menghuraikan data secara penuh; keempat, analisis induktif dapat dapat menemukan pengaruh bersama yang mempertajam hubungan-hubungan; dan yang terakhir, analisis ini dapat memperhitungkan nilai-nilai eksplisit sebagai bahagian daripada struktur kajian³²

Metode induktif digunakan oleh penulis dalam semua bab. Dimulakan bab pertama, penulis menguraikan definisi-definisi dan istilah yang digunakan dalam tajuk ini. Pada bab kedua, digunakan dalam menjelaskan beberapa teori yang berhubungkait dengan fitrah dan konsepsi pengembangannya. Pada bab ketiga dan keempat metode ini digunakan untuk memaparkan hasil penyelidikan di lapangan, iaitu tentang pola-pola pembelajaran yang dikembangkan di beberapa Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat Indonesia.

Adapun metode deduktif ialah suatu metode (cara) menganalisa suatu data dengan berpijak pada dalil umum terhadap dalil khusus.³³ Metode ini banyak digunakan dalam mengamati prilaku pelajar dalam mengamalkan ajaran agama

³¹Peter A. Angeles (1981), *A Dictionary of philosophy*. London: Harepr and row publishers, h. 132

³²Lexy J. Moeloeng (2000), *Metodeologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Rosda karya, h. 5

³³Peter A. Angeles, Op.cit., h. 55

Islam sesuai dengan fitrah yang dimilikinya. Metode ini banyak digunakan dalam bab IV.

3. Teknik Perbandingan (komparatif)

Teknik komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan data yang diperolehi semasa penyelidikan dijalankan.³⁴ Metode ini digunakan untuk membandingkan data yang diperolehi daripada lima Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat yang dijadikan sampel penyelidikan. Metode ini digunakan pada bab III, IV dan V, iaitu ketika penulis mengemukakan hasil kajian di lapangan dan membuat kesimpulan.

I. Sistematika Penulisan

Kajian ini mengandungi lima bab. Ianya didahului oleh bab pertama yang merupakan pendahuluan kepada penulisan disertasi ini. Bab pertama mengandungi beberapa sub pokok perbahasan, iaitu : Latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, kepentingan kajian, skop kajian, perumusan masalah, objektif kajian, masalah kajian metodologi penyelidikan dan diakhiri oleh sistematika penulisan.

Bab dua dalam disertasi ini membincangkan iandasan konseptual tentang fitrah beragama dan teori untuk mengembangkannya. Secara lebih khusus bab ini merangkumi pengertian tentang fitrah, manusia dan agama, Islam sebagai agama

³⁴Ibid., h. 78

fitrah manusia, dan diakhiri dengan sub pokok perbahasan pendidikan Islam sebagai proses pengembangan fitrah beragama.

Kajian ini merupakan jenis kajian kualitatif yang menjelaskan fenomena yang terjadi dilapangan.⁵ Penulis akan memaparkan kewujudan madrasah secara objektif pada lokasi yang dijadikan sampel penelitian. Pada bab tiga ini penulis memaparkan tentang gambaran umum Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat Indonesia. Madrasah Aliyah yang dijadikan sampel penelitian berjumlah lima buah madrasah, iaitu Madrasah Aliyah Negeri II Bandung, Madrasah Aliyah Negeri Cibatu, Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang, Madrasah Aliyah Negeri Cipasung Tasik Malaya dan Madrasah Aliyah Negeri I Garut. Pada bab ini penelitian diarahkan kepada sejarah penubuhan madrasah, tujuan penubuhannya, keiengkapan prasarana pendidikan yang dimiliki, keupayaan gurunya serta kurikulum yang digunakan.

Pada Bab IV, penulis membahaskan tentang analisis proses pengembangan fitrah beragama di madrasah yang merangkumi pembahasan tentang pengemaskinian kurikulum Madrasah Aliyah Negeri, pembelajaran beberapa mata pelajaran agama Islam, kesesuaian lingkungan madrasah *Islamiyyah*, pengurusan masjid di lingkungan madrasah, pendekatan keagamaan dalam membentuk personaliti pelajar, dan pola komunikasi antara pelajar dengan guru dan guru besar madrasah serta diakhiri dengan perbahasan mengenai kefahaman pelajar tentang konsep fitrah beragama dan usaha pengembangannya yang diperolehi melalui kajian soal selidik.

Disertasi ini diakhiri dengan bab V sebagai penutup yang mengandungi kesimpulan daripada keseluruhan penyelidikan dan saranan.